

04/07/2002

Syor tanda ingatan untuk PM di Putrajaya

PERBADANAN Putrajaya disaran mewujudkan satu tanda ingatan sebagai menghargai jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Senator Rosli Mat Hassan ketika mengemukakan saranan itu berkata, Putrajaya yang diilhamkan Perdana Menteri pada peringkat awalnya menghadapi pelbagai cabaran termasuk kesan kelembapan ekonomi.

Tidak cukup dengan keadaan itu, katanya, pembinaan Putrajaya yang kini menjadi kebanggaan rakyat dan negara, turut mendapat cemuhan dan tentangan pelbagai pihak khususnya parti pembangkang yang pernah mengancam akan melelongnya jika dapat memerintah negara ketika kempen pilihan raya umum pada 1999.

"Segala cabaran itu berjaya dihadapi dengan tabah sehingga wujudnya Putrajaya seperti mana sekarang.

"Oleh kerana Dr Mahathir sudah menyatakan hasratnya untuk bersara, adalah wajar jika pentadbiran Putrajaya mewujudkan tanda ingatan bagi mengenang jasanya," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbadanan Putrajaya (Pindaan) 2002.

Rang Undang-Undang yang diluluskan itu antara lain bertujuan menggantikan perkataan kawasan Perbadanan Putrajaya dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan menambah wakil negeri Selangor dalam Perbadanan daripada seorang kepada dua anggota.

Mengulas lanjut, Rosli berkata, tanda ingatan itu boleh dibuat dalam pelbagai bentuk atau cara sama ada melalui nama jalan dan batu tanda.

"Tanda ingatan itu boleh menjadi kenangan kepada generasi akan datang untuk mengetahui siapa yang banyak berjasa terhadap kewujudan Putrajaya sehingga menjadi bandar yang moden dan terancang," katanya.

Senator Datuk Hamzah Zainuddin pula berkata, Perbadanan Putrajaya perlu memastikan Putrajaya terus kekal sebagai sebuah bandar terancang dari segi fizikal dan pengurusan.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Tengku Azlan Sultan Abu Bakar ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu berkata, banyak lagi projek pembangunan akan dilaksanakan di Putrajaya termasuk pembinaan hotel, pasar moden serta sembilan lagi sekolah agama.